

## **BAHASA DAN PEMIKIRAN DALAM WARKAH SULTAN PONTIANAK**

**AGUS SYAHRANI**

**Universitas Tanjungpura, Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia**

[agussyahrani@gmail.com](mailto:agussyahrani@gmail.com)

**AKHMAD MANSUR**

**Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia**

[amadmansur@gmail.com](mailto:amadmansur@gmail.com)

### **Abstrak**

Kertas kerja ini akan membincangkan kandungan warkah Sultan Pontianak koleksi pelbagai pusat manuskrip seperti Perpustakaan Negara Malaysia, Arsip Nasional Republik Indonesia, Perpustakaan Universiti Leiden, British Library, dan milik perseorangan. Perbincangan koleksi warkah baginda meliputi, 11 pucuk warkah sosial yang bermula dari Sultan Syarif Abdurrahman Alqadrie abad ke-18, sehingga Sultan Syarif Yusuf Alqadrie tahun abad ke-19. Perbincangan fokus kepada binaan warkah sosial Sultan Pontianak dikirimkan oleh Sultan Pontianak kepada T.S. Raffles. Warkah ini mengandungi perkara yang “kontroversi” iaitu mengenai aktiviti lanun yang dilakukan oleh Pengiran Anom dari Kesultanan Sambas. Kaidah bahasa dan pemikiran menggunakan kajian hipotesis Benyamin Whorf dan Edward Sapir. Beliau menghuraikan dua hipotesis mengenai bahasa dan pemikiran yang dapat diguna pakai dalam kajian ini. Kandungan dari warkah-warkah Sultan Pontianak akan dihuraikan berdasarkan hipotesis Sapir dan Whorf. Pengaruh bahasa dan fikiran terjadi melalui habituasi dan melalui aspek formal bahasa, misalnya leksikon. Leksikon yang digunakan dalam warkah Sultan Pontianak akan menjadi penentu representasi konseptual yang ada dalam pengguna bahasa tersebut. Perbincangan yang terdapat di dalam warkah Sultan Pontianak akan menghasilkan dapatan tafsiran yang berbeza dengan pandangan masyarakat pada amnya terhadap warkah Sultan Pontianak itu sendiri.

***Kata Kunci:*** *Warkah Sultan Pontianak, Binaan Warkah, Bahasa dan Pemikiran, Hipotesis Sapir dan Whorf, Kontroversi Lanun*

## PENGENALAN

Kesultanan Pontianak ialah sebuah kesultanan yang paling muda daripada kesultanan Melayu yang ada di Kalimantan Barat, dengan masa berkuasa yang singkat, iaitu selama 179 tahun. Menurut Alqadrie (1979:12), kesultanan ini berdiri pada tanggal 23 Oktober 1771 Masihi bersamaan 12 hari bulan Rajab tahun 1185, didirikan oleh Syarif Abdurrahman bin Habib Hussein Alqadrie. Keunikan Kesultanan Pontianak terletak pada geografi yang menguntungkan, disebabkan oleh kedudukannya yang dekat dengan Laut Jawa, Selat Karimata, dan Laut Natuna sebagai jalur perdagangan yang menghubungkan Kesultanan Pontianak dengan kesultanan Melayu di kawasan Kalimantan bahagian Barat dan Nusantara seperti Riau, Siak, Tambelan, Siantan, Palembang, Banjar, Paser (Rahman, 2000: 4; Alqadrie, 1979:12-16), Terengganu, Banten, Demak, Batavia, kesultanan di utara Jawa, Riau, Deli, Melaka, dan Johor (Iskandar, 1987:58-59,60-62). Letaknya juga tidak terlalu jauh dari kawasan pedalaman yang menghubungkannya dengan kesultanan lain di pedalaman dekat (*interior valley*) dan pedalaman jauh (*interior upland*). Daripada itu, letak Kesultanan Pontianak juga strategik secara interen di kawasan Kalimantan Barat, iaitu terletak pada simpang tiga antara Sungai Kapuas dengan Sungai Landak.

## PERBINCANGAN KOLEKSI WARKAH SULTAN PONTIANAK

Koleksi yang dihuraikan dalam kertas kerja ini ialah warkah-warkah Sultan Pontianak yang berjumlah 11 pucuk warkah sosial yang bermula dari Sultan Syarif Abdurrahman Alqadrie abad ke-18, sehingga Sultan Syarif Yusuf Alqadrie tahun abad ke-19. Koleksi warkah-warkah Sultan Pontianak amat terhad di seluruh dunia, sama ada koleksi di Perpustakaan Negara Malaysia, Arsip Nasional Republik Indonesia, Perpustakaan Universiti Leiden, dan British Library. Koleksi ini hanya didapati daripada koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, iaitu empat pucuk warkah, koleksi Arsip Nasional Republik Indonesia tiga pucuk warkah, koleksi British Library tiga pucuk warkah, koleksi Perpustakaan Universiti Leiden dua pucuk warkah. Setakat yang didapati bilangan warkah Sultan Pontianak amat terhad di seluruh koleksi warkah dunia, iaitu 11 pucuk warkah sosial.

### ***Koleksi warkah sosial Sultan Pontianak adalah seperti berikut.***

- 1) Warkah Sultan Syarif Kassim Alqadrie kepada T.S. Raffles (14 Februari 1811)  
Warkah ini dikirim oleh Syarif Kassim Alqadrie kepada T.S. Raffles, tanggal 20 Muharram 1226 (14 Februari 1811). Warkah ini bermuat satu muka surat dengan ukuran 70 x 22,5 cm, 37 baris. Kertas buatan Inggeris, tinta hitam. Tera air ‘Budgen & Wilmott 1807’ koleksi British Library MSS.Eur.D.742/1.f.33A (Gallop, 1994:32).

- 2) Warkah Sultan Syarif Kassim Alqadrie kepada T.S. Raffles (12 March 1811)  
Warkah ini dikirim oleh Syarif Kassim Alqadrie kepada T.S. Raffles, tanggal 16 Safar 1226 (12 March 1811). Warkah ini bermuat satu muka surat dengan ukuran 40,5 x 32,5 cm, 15 baris. Kertas buatan Inggris, tinta hitam. Tera air 'Budgen & Wilmott 1807' koleksi British Library MSS.Eur.D.742/1.f.32 (Gallop, 1994:144).
- 3) Warkah Sultan Syarif Kassim Alqadrie kepada T.S. Raffles (22 March 1811)  
Warkah ini dikirim oleh Syarif Kassim Alqadrie kepada T.S. Raffles, tanggal 26 Syawal 1226 (22 March 1811). Warkah ini bermuat satu muka surat dengan ukuran 40 x 32,5 cm, 16 baris. Kertas buatan Inggris, tinta hitam. Tera air 'Budgen & Wilmott 1807' koleksi British Library MSS.Eur.D.742/1.f.31 (Gallop, 1994:79).
- 4) Warkah Sultan Syarif Kassim Alqadrie kepada T.S. Raffles (1811)  
Perpustakaan Negara Malaysia (Ab. Karim,1998)
- 5) Warkah Sultan Syarif Usman Alqadrie kepada GJ A.G.P. Baron van der Capellen tahun 1823  
Warkah ini dikirim oleh Surat Sultan Syarif Usman Alqadrie kepada GJ A.G.P. Baron van der Capellen, tanggal 16 Ramadan 1238 (27 Mei 1823). Warkah ini bermuat satu muka surat dengan ukuran 49 x 36 cm, 18 baris, namun baris pertamanya berupa kaligrafi yang bertingkat-tingkat. Kertas licin, halus, dan berwarna kecoklatan. Tinta hitam. Naskah masih lagi baik dan cap kertas masih tampak, yaitu gambar setangkai obor dengan tulisan M&A di bawah. Mohor terletak di tengah sisi kanan, sejajar dengan baris pertama teks. Bentuknya segi delapan, dengan jelaga lampu warna hitam. Kepala surat terletak di tengah sisi atas, bentuk kaligrafi dalam sebuah bingkai emas segi tiga. (Mu'jizah, 2009:111)
- 6) Warkah Sultan Syarif Usman Alqadrie kepada GJ A.G.P. Baron van der Capellen (1825) Perpustakaan Negara Malaysia (Ab. Karim,1998)
- 7) Warkah Pangeran Syarif Abu Bakar Alqadrie (Bendahari masa Sultan Syarif Usman Alqadrie) kepada Johan Frederik Walrave van Nes (1847)  
Warkah ini dikirim oleh Syarif Abu Bakar Alqadrie (Bendahari masa Sultan Syarif Usman Alqadrie) kepada Johan Frederik Walrave van Nes, tanggal 6 Jumadil awal 1263 (22 April 1847). Warkah ini bermuat satu muka surat dengan ukuran 24 x 26 cm, 18 baris. Kertas tebal dan licin, tinta hitam. Naskah masih lagi baik, hanya ada berubah warna pada bagian atas dan bawah. Tidak ada tera air, dan mohor terletak pada bahagian atas sisi kanan, sejajar dengan awal teks, bahannya dari lilin merah yang sudah terkelupas di bahagian atas kanan. Kepala surat terletak di tengah sisi atas, dengan tulisan biasa (Mu'jizah, 2009:113).
- 8) Warkah Pangeran Syarif Abu Bakar Alqadrie (Bendahari masa Sultan Syarif Usman Alqadrie) kepada J.F. Walrave van Nes (1847)  
Warkah ini dikirim oleh Syarif Abu Bakar Alqadrie (Bendahari masa Sultan Syarif Usman Alqadrie) kepada Johan Frederik Walrave van Nes, tanggal 1 Jumadil akhir 1263 (16 Mei 1847). Warkah ini bermuat satu muka surat dengan ukuran 40,1 x 32 cm, 37 baris. Kertas buatan Eropah yang tebal, tinta hitam. Naskah masih lagi baik, hanya ada berubah warna pada bagian

atas dan bawah. Tidak ada tera air, dan mohor terletak di atas sisi kanan, sejajar dengan awal teks, bahannya dari lilin merah yang sudah terkelupas di bahagian atas kanan. Kepala surat terletak di tengah sisi atas, dengan tulisan biasa (Mu'jizah, 2009:116).

- 9) Warkah Sultan Syarif Usman Alqadrie kepada Residen Arnoldus Lourens Weddik (1848)

Warkah ini dikirim oleh Surat Sultan Syarif Usman Alqadrie kepada Residen Arnoldus Lourens Weddik, tanggal 12 Rabiulakhir 1264 (18 March 1848). Warkah ini bermuat satu muka surat dengan ukuran 52 x 42 cm, 24 baris. Naskhah masih baik, dan terdapat bekas lipatan yang sudah koyak. Cap kertas sudah tidak nampak lagi, hanya tampak garis bayang tebal berukuran 3,5 cm. Mohor terletak di bahagian atas sisi kanan. Kepala surat terletak di tengah sisi atas, bentuk kaligrafi dalam sebuah bingkai emas segi tiga. (Mu'jizah, 2009:118).

- 10) Warkah Sultan Syarif Usman Alqadrie (1851)

Warkah ini merupakan warkah pengesahan hutang daripada Sultan Syarif Usman Alqadrie bertarikh 19 Safar 1268 H (14 Disember 1851). Warkah ini merupakan koleksi Perpustakaan Negara Malaysia (MSS2331) berukuran 31,5 x 20,7 cm; mengandungi 10 baris, ditulis dengan kertas anyaman berwarna putih yang masih dalam keadaan baik (Ab. Karim, 1998).

- 11) Warkah Sultan Syarif Yusuf Alqadrie kepada GJ Otto van Rees (1886)

Warkah ini dikirim oleh Surat Sultan Syarif Yusuf Alqadrie kepada GJ Otto van Rees, tanggal 13 Safar 1304 (11 November 1886). Warkah ini bermuat satu muka surat dengan ukuran 64,5 x 52,5 cm, 18 baris. Cap kertas *Conqueror*. Mohor berbentuk segi lapan terletak di bahagian atas sisi kanan. Kepala surat terletak di tengah sisi atas (Mu'jizah, 2009:121).

Koleksi warkah-warkah Sultan Pontianak setelah disemak dalam berbagai katalog sama ada di Perpustakaan Negara Malaysia, Arsip Nasional Republik Indonesia, Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Leiden, dan British Library, kajian Annabel Teh Gallop (1994) terhadap seratus surat bergambar dan manuskrip Melayu yang dihasilkan oleh *The British Library* untuk Arkib Negara Malaysia, kajian Ab. Razak Ab Karim (1998) dalam disertasi Ph.D beliau terhadap 88 pucuk warkah Melayu dari abad ke 16 hingga abad ke-19, dan kajian Mu'jizah (2009) terhadap 50 surat Melayu pada abad ke-18 dan ke-19. Setakat yang dikenal pasti bilangan warkah Sultan Pontianak, iaitu 11 pucuk warkah sosial. Perbincangan warkah Sultan Pontianak penting dilakukan kerana jumlahnya amat terhad di seluruh koleksi dunia, termasuk koleksi tempatan sama ada di Kesultanan Pontianak mahupun di perpustakaan di Pontianak, Kalimantan Barat.

## **BAHASA DAN PEMIKIRAN MANUSIA**

Bahasa adalah salah satu anugerah Tuhan yang memungkinkan manusia untuk mengelola pikirannya dan mengendalikan pengaruh luar terhadap pikirannya. Manusia seperti makhluk lainnya berinteraksi dengan lingkungannya dan memproses data dari organ panca inderanya untuk menciptakan suatu representasi utama dari dunia. Representasi di dunia menjadi sumber pesan yang diolah dalam pikiran.

Pesan-pesan yang disampaikan kepada manusia masuk ke dalam unit pemrosesan khusus, dan di dalam unit tersebut pesan-pesan tersebut bersaing dengan pesan-pesan lain. Pesan yang lebih kuat selanjutnya mengaktifasi sel-sel motorik untuk melakukan fungsinya. Apabila citra sensori sudah berwujud sebagai sebuah predator, maka seperangkat neuron akan melakukan fungsinya untuk mengolah citra sensori tersebut. Meskipun proses tersebut sangat panjang namun, kita tidak dapat menghitung dan merasakannya dan berlangsung sangat singkat.

Fikiran manusia pada hakikatnya selalu mencari dan berusaha untuk memperoleh kebenaran. Karena itu pikiran merupakan suatu proses. Dalam proses tersebut haruslah diperhatikan kebenaran untuk dapat berfikir logik. Kebenaran ini hanya menyatakan serta mengandalkan adanya jalan, cara, teknik serta hukum-hukum yang perlu diikuti. Semua itu dirumuskan dalam logika.

Pemahaman kata mempengaruhi pikirannya terhadap realiti. Fikiran manusia dapat dikendalikan oleh kata yang manusia gunakan. Tokoh yang mendukung hubungan ini adalah Benjamin Lee Whorf ( 1897-1941) dan gurunya Edward Sapir (1884-1939). Whorf menyatakan bahwa bahasa menentukan pikiran seseorang sampai kadang-kadang bisa membahayakan dirinya sendiri. Di sinilah, menurut Whorf, tampak jalan pikiran seseorang telah ditentukan oleh bahasanya.

Tokoh psikologi kognitif Jean Piaget menyatakan bahwa ada keterkaitan antara pikiran dan bahasa. Bahasa adalah representasi dari pikiran. Menurut Piaget ada dua pikiran, iaitu pikiran terarah atau *intelligent* dan pikiran yang tidak terarah atau *autistic*. Fikiran yang terarah adalah pikiran yang menghasilkan tindakan atau ujaran yang dapat dipertanggungjawabkan dan memiliki landasan kuat, sedangkan pikiran yang tidak terarah umumnya pikiran yang sering menimbulkan kekeliruan atau dampak yang tidak terduga.

### **Hipotesis Sapir-Whorf (Hipotesis Relativiti Bahasa)**

Pembicaraan mengenai hubungan bahasa dan pikiran tidak lengkap tanpa menyinggung relativiti bahasa (*linguistic relativity*). Hipotesis relativiti linguistik beranggapan bahwa bahasa hanya refleksi dari pikiran yang memunculkan makna. Bahasa mempengaruhi pikiran, sehingga muncul ungkapan bahwa bahasa mempengaruhi cara berfikir penuturnya. Relativiti bahasa muncul karena adanya sebuah kenyataan atau fakta bahwa setiap bahasa memiliki caranya masing-masing dalam mencitrakan dunia. Bahasa telah menciptakan sebuah sistemnya

sendiri untuk mencitrakan dunia. Sistem tersebut tidak dapat diukur atau tidak dapat disamakan satu sama lain.

Dalam relativiti bahasa (Hipotesis Sapir-Whorf) terungkap bahwa bahasa-bahasa yang berbeda membedah sistem-sistem konsep tergantung pada bahasa-bahasa beragam yang digunakan oleh berbagai kelompok masyarakat. Sapir dan Whorf sepakat bahwa bahasa menentukan pikiran seseorang. Jalan pikiran sangat ditentukan oleh bahasanya. Kontroversi Hipotesis Sapir-Whorf “di lerai” oleh Humbolt, yang meyakini bahawa manusia pada mulanya memakai fikiran untuk mengkategorikan dunia dan mencantulkannya dalam bahasa, tetapi setelah bahasa terbentuk, manusia menjadi terikat pada apa yang mereka ciptakan sendiri. Ada ketergantungan fikiran manusia pada bahasa yang digunakan.

Kadarisman (2007) dalam kertas kerjanya menghuraikan keserjanaan Sapir. Beliau menghuraikan orisinaliti pemikiran Sapir di bidang linguistik tak perlu ditanyakan. Linguistik Sapir tidak terhenti pada struktur bahasa, tetapi juga merambah kawasan budaya, sastera, mitologi, dan agama. Ia adalah seorang mentalis, dan mentalism Sapir nampak jelas. Representasi fonetik tidak selalu sama dan sejajar dengan representasi fonemik; kerana yang terakhir terkait langsung dengan makna ujaran, dan dengan demikian ia memiliki realiti psikologis dalam fikiran penutur bahasa. Mentalism itu bergerak semakin jauh dan dalam ketika Sapir menyatakan bahawa struktur bahasa juga berpengaruh terhadap cara pandang penutur terhadap realiti. Inilah asal-usul dari Hipotesis Sapir-Whorf.

Sapir bukan hanya hebat kerana orisinaliti pemikiran dan semangat keilmuan beliau; lebih dari itu ia telah memberikan *insights* yang tak pernah padam. Ketika ia berbicara tentang *bahasa dan budaya*, ia mengingatkan kita bahawa tidak selalu ada hubungan sebab-akibat antara keduanya, meskipun bahasa tak pernah bisa lepas dari budaya. Ketika ia berbicara tentang bahasa dan sastera, ia menunjukkan kepada kita erti kebebasan kreatif namun sekali gus juga hadnya, kerana kondisi-alami medium bahasa. Ketika ia mengatakan *all grammars leak*, ia mengingatkan kita betapa rumitnya struktur bahasa, sehingga Grammatik yang kita hasilkan tidak pernah sempurna menjaring seluruh aturan bahasa. Semua itu mengisyaratkan bahawa pemikiran kebahasaan Sapir bersifat relatif dan humanistik.

Bahkan, bila direnungkan lebih mendalam, yang tersurat dalam pemikiran Sapir adalah relativiti bahasa, namun yang tersirat di dalamnya adalah relativiti keilmuan. Edward Sapir adalah bahasawan dengan visi yang jauh ke depan mendahului zamannya, dan pemikiran linguistik beliau yang luas dan mendalam telah menjadi warisan intelektual yang sangat berharga, terutama bagi bahasawan yang tertarik mempelajari bahasa dalam konteks sosio-kulturalnya.

Hipotesis Sapir-Whorf versi ekstrem (diterminsme bahasa) ditolak, sedangkan versi moderatnya (relativiti bahasa) diterima. HSW versi moderat menyatakan bahawa cara pandang kita terhadap realiti dipengaruhi oleh bahasa ibu kita. Dengan kata lain, bahasa mempengaruhi pola-fikir, dan pola-fikir kolektif membentuk suatu budaya yang menunjukkan adanya pengaruh satu arah, bukan timbal-balik. Padahal

bila kita perhatikan, budaya juga mempengaruhi bahasa. bahasa tak terpisah dari budaya, yang merupakan warisan sosial berwujud paduan tindakan dan kepercayaan yang menentukan tekstur kehidupan kita. Pernyataan ini mengisyaratkan bahawa bahasa, pada satu sisi, merupakan sarana untuk mengkomunikasikan gagasan dan perasaan secara objektif, dan pada sisi lain, merupakan ungkap-verbal yang khas dalam Warkah Sultan Pontianak bagi nilai-nilai budaya yang bersifat relatif dalam masyarakat Melayu Pontianak.

### **BAHASA DAN PEMIKIRAN DALAM BINAAN WARKAH SULTAN PONTIANAK**

Ab. Razak Ab. Karim (2006:3-21) mengatakan bahawa warkah sosial ialah warkah yang dihantar oleh seseorang pengirim kepada penerima. Pengirim ataupun penerima merupakan seorang raja, pembesar, ataupun orang tertentu. Warkah sosial dihantar dengan tujuan tertentu kerana kandungan warkahnya merupakan hal-hal yang bersangkutan tentang peribadi, untuk mendapatkan bantuan ataupun pertolongan, perniagaan dan sebagainya. Warkah jenis ini terdapat dalam pelbagai bentuk dan orang yang mengirimnya juga boleh dibahagikan kepada beberapa golongan. Binaan warkah Melayu telah dibahagikan oleh Ab. Razak Ab. Karim (ibid:23) membahagikan warkah sosial kepada enam komponen, seperti berikut.

- a) Kepala surat
- b) Cap
- c) Kata puji-pujian
- d) Isi/kandungan warkah
- e) Hadiah/prapenutup
- f) Penutup warkah

Menurut Gallop (1994:32-33), binaan warkah Melayu memiliki sepuluh unsur, seperti berikut.

- a) Reka bentuk dan hiasan
- b) Cap mohor
- c) Kepala surat
- d) Puji-pujian
- e) Kandungan warkah
- f) Hadiah
- g) Penutup
- h) Alamat sampul surat
- i) Utusan
- j) Adat mengiring surat

Perbezaan daripada kedua-dua pengkaji terhadap binaan warkah Melayu ini didapati kerana adanya perbezaan fokus kajian yang dilakukan terhadap warkah

Melayu. Gallop mendapati 10 unsur daripada adat istiadat surat-menyurat Melayu kerana kajian beliau memberikan penjelasan secara umum terhadap surat-menyurat Melayu. Beliau tidak memberikan fokus terhadap peristiwa bahasa. Ab. Razak Ab. Karim dalam kajiannya tidak mengambil kira beberapa perkara yang diutarakan oleh Gallop. Hal ini demikian, kerana kajian beliau lebih berfokus kepada bentuk-bentuk bahasa yang terdapat dalam warkah Melayu sebagai sebuah genre. Perkara-perkara yang tidak diambil kira ialah aspek reka bentuk dan hiasan, hadiah, sampul surat, utusan, dan adat mengiring surat. Walaupun lima perkara ini digugurkan tetapi beliau menambah satu aspek penting, terutama dalam binaan warkah perjanjian, iaitu aspek tandatangan.

Berdasarkan pendapat para pengkaji berkenaan dengan binaan warkah Melayu, dalam kertas kerja ini memerikan komponen-komponen warkah berdasarkan bahan kajian. Terdapat enam komponen dalam binaan warkah sosial Sultan Pontianak yang memiliki persamaan seperti yang dikemukakan oleh Ab. Razak Ab. Karim (2006:23). Enam komponen dalam warkah sosial Sultan Pontianak, seperti berikut:

- a) Kepala surat
- b) Cap
- c) Kata puji-pujian
- d) Isi/kandungan warkah
- e) Prapenutup
- f) Penutup warkah

Berdasarkan komponen ini, akan dapat dilihat cara atau kaedah sepucuk warkah ditulis dan dihantar kepada pengirim. Berikutnya akan dijelaskan setiap komponen yang terdapat dalam warkah Melayu dan kemudian dibincangkan pula unsur ini dalam warkah Sultan Pontianak.

### **Kepala Surat**

Kepala surat dalam warkah sosial Sultan Pontianak menggunakan dua bentuk yang terdapat dalam 11 warkah baginda. Bentuk yang pertama adalah *Qawluh al-haqq wa kalamuh al-sidq* yang bermakna “kata-katanya benar dan ucapan-Nya tulus” dan yang kedua adalah *Qawluh al-haqq* yang bermakna “kata-katanya benar”. Penggunaan kepala surat ini dominan dalam warkah sosial Sultan Pontianak. Sebagai contoh penggunaan kepala surat dalam warkah Sultan Syarif Kasim Alqadrie dan Syarif Usman Alqadrie, baginda menggunakan kepala surat yang berbunyi *Qawluh al-haqq wa kalamuh al-sidq* yang bermakna “kata-katanya benar dan ucapannya tulus”. Penggunaan kepala surat yang sama ini mempunyai maksud tertentu kerana sebagai seorang Sultan yang berwibawa di Pontianak pada waktu itu, kata-kata baginda adalah benar dan tidak ada unsur penipuan. Ini kerana baginda sering berutus warkah dengan Raffles yang berada di Melaka pada waktu itu.

Kepala surat baginda yang berada di tengah menunjukkan antara orang yang sama taraf. Walaupun dalam kajian Gallop (1994:56), beliau belum memberikan



pengakuan yang pasti akan penentuan letak kepala surat mempunyai hubung kait dengan pangkat pengirim dan penerima surat. Beliau mengatakan bahawa terdapat pengertian lain yang terselindung di sebalik kedudukan kepala surat. Hal ini, dapat dilihat daripada warkah-warkah Sultan Pontianak, yang menampakkan kedudukan di tengah-tengah halaman surat yang nampaknya memberi tafsiran yang samar-samar. Menurut Gallop, kepala surat dalam warkah Melayu selalu ditempatkan di bahagian bawah sebelah kiri warkah. Oleh itu, kepala surat yang ditulis tepat di atas bahagian tengah teks sebenarnya terletak di sebelah kiri bahagian tengah warkah. Bentuk seperti ini terlihat dalam *warkah Sultan Syarif Kasim Alqadrie kepada T. S. Raffles di Melaka, 14 Februari 1811*.

Penggunaan kata *al-Haqq* dalam kepala surat Sultan Pontianak, sebagai bentuk penggunaan nama Tuhan mempunyai unsur-unsur tertentu yang cuba diketengahkan. Bentuk ini sebagai suatu gaya yang menarik dan mesti dipatuhi oleh jurutulis. Misalnya kepala surat melambangkan bahawa baginda merupakan Sultan yang beragama Islam. Faktor latar belakang hubungan pengirim dan penerima warkah serta faktor keagamaan memainkan peranan penting kerana ia merupakan penentu utama pemilihan kepala surat.

Pemilihan kepala surat dengan menggunakan nama Tuhan dalam warkah Sultan Pontianak bertujuan untuk mengagungkan nama-Nya sebagai lambang bahawa Kesultanan Pontianak merupakan pemerintah Islam. Dengan menggunakan nama Tuhan, Sultan Pontianak telah memaklumkan penerima warkah bahawa Islam merupakan agama yang dianut oleh Kesultanan Pontianak.

Penggunaan kepala surat dalam warkah sosial Sultan Pontianak memperlihatkan bentuk yang berbeza seperti yang telah diperkatakan oleh Skeat (1984:404) bahawa surat yang memberitahukan sesuatu berita kematian tidak diberikan kepala surat. Pernyataan ini juga telah disangkal oleh Ab. Razak Ab. Karim (2002:124) dan sebagai bukti dapat dilihat dalam surat yang dihantar oleh Sultan Pontianak, iaitu *Sultan Syarif Kasim Alqadrie, kepada Stamford Raffles di Melaka pada 22 Mac 1811*. Dalam warkah ini, baginda memberitahu Raffles tentang kematian Kapitan Ross yang dibunuh oleh Pangeran Anom Sambas dan Abdul Rasyid Mentok. Dalam warkah ini, kepala surat yang digunakan ialah *Qawluh al-haqq wa kalamuh al-sidq* yang bermakna “kata-katanya benar dan ucapannya tulus”.

Pemilihan kepala surat oleh Sultan Pontianak mempunyai kaitan dengan kandungan warkah yang hendak dinyatakan oleh pengirim warkah. Ia menjadi tradisi dan diwarisi daripada seorang sultan kepada sultan yang lain walaupun di bawah penguasaan pihak Barat yang berlainan, iaitu Inggeris dan Belanda. Oleh yang demikian, pemilihan kepala surat mempengaruhi kandungan warkah seseorang pengirim itu dan ternyata bahawa Sultan Pontianak mengekalkannya dalam warkah-warkah baginda.

## Cap

Penggunaan cap dalam warkah sosial Sultan Pontianak memberikan bentuk-bentuk yang hampir sama dalam warkah Melayu pada amnya. Penggunaan cap ini dapat dilihat dalam beberapa warkah Sultan Pontianak. Kebanyakan cap dalam warkah Sultan Pontianak menggunakan kata bahasa Arab, iaitu *al-wathiq billah* yang bermakna “orang yang berpegang teguh kepada Allah”. Cap yang digunakan dalam warkah Sultan Pontianak dalam bahasa Arab selalu diikuti dengan nama Sultan yang mengirim warkah ini. Semua warkah sosial yang menjadi bahan kajian mendapati penggunaan cap yang konsisten.

Penggunaan cap yang konsisten juga terlihat dari segi letak cap dalam warkah, iaitu di bahagian atas sisi kanan yang sejajar dengan baris awal teks. Terdapat satu pucuk warkah Sultan yang letak cap berada di atas tengah menggantikan kepala surat, iaitu *warkah Sultan Syarif Usman Alqadrie (1851) kepada Sidupa mengenai pengesahan hutang*. Letak cap dalam warkah menunjukkan bahawa Sultan sebagai pengirim warkah ingin mengatakan bahawa apa yang diperkatakan dan diperbuat memiliki keselarasan yang konsisten pula. Dari segi bentuk, cap warkah Sultan Pontianak menggunakan bulatan lapan segi yang dinamakan oleh Ab. Razak Ab. Karim (2006:8) sebagai *hexagon*.

Hampir semua warkah Sultan Pontianak menggunakan cap dengan bentuk bulatan lapan segi, dan hanya ada dua warkah yang menggunakan bentuk cap yang berlainan. Bentuk ini ialah bulatan dengan menggunakan bahan dari lilin merah. Bentuk ini terdapat dalam *warkah Pangiran Syarif Abu Bakar Alqadrie kepada Johan Frederik Walrave van Nes pada 22 April 1847 dan 16 Mei 1847*. Penggunaan cap bentuk ini disebabkan pengirim warkah bukan Sultan tetapi bendahari daripada Sultan Syarif Usman Alqadrie. Kewujudan kuasa tersembunyi dalam warkah ini memperlihatkan bentuk-bentuk yang berbeza, terutama dalam penggunaan cap.

Penggunaan cap yang terdapat dalam warkah Sultan Pontianak juga memerikan bentuk-bentuk unik yang tidak terdapat dalam warkah Melayu pada amnya. Bentuk ini terdapat dalam sembilan warkah sosial Sultan Pontianak, diantaranya dalam warkah Sultan Syarif Kasim Alqadrie. Cap ini mempunyai persamaan yang nyata serta cap yang paling unik berbanding dengan cap sultan-sultan lain di kepulauan Melayu (Ab. Razak Ab. Karim, 2006:112-113).

Dalam warkah Sultan Syarif Kasim, baginda menggunakan bulatan lapan segi atau dinamakan sebagai *hexagon*. Cap ini dianggap sebagai cap yang luar biasa dan terdapat beberapa huruf Arab digunakan. Di bahagian dalam cap baginda ini tertera frasa *Al-Watiq Billah al-Haqqal Bari Abdika Wahuwa Syadid Seri Paduka al-Sultan Syarif Abdul Rahman Ibn al-marhum al-Habib al-Husein*. Di bahagian luar bingkai pula tertera 42 huruf Arab yang dirumikan seperti berikut: *w, h, y, a, m, h, dh, r, y, a, f, z, y, z, w, y, z, y, a, k, w, y, y, a, m, h, y, m, a, r, w, w, f, a, l, k, r, h, y, y, a*, dan *b*. Penggunaan huruf-huruf ini melambangkan makna tasawuf yang menggunakan nama Tuhan (*asma'ulhusna*) dalam bentuk huruf-huruf. Penggunaan ini memberikan maklumat bahawa negeri Pontianak memiliki identiti agama yang kuat kepada penerima warkah sama ada pihak Belanda mahupun Inggeris. Bentuk ini menjadi unik kerana inilah satu-satunya cap yang menggunakan gabungan

huruf-huruf Arab berbanding dalam kebanyakan warkah pemiliknya menggunakan lingkaran daun dan bunga (Ab. Razak Ab. Karim, ibid).

### **Kata Puji-pujian**

Dalam warkah sosial Sultan Pontianak, kata puji-puji yang digunakan sebagai suatu bentuk strategi komunikasi. Hal ini merupakan gaya bagi baginda untuk menyatakan hajat yang hendak disampaikan kepada penerima warkah. Penggunaan kata puji-pujian tertentu sebagai permulaan untuk menyatakan hajat yang terkandung dalam warkah baginda itu.

Dalam penggunaan kata puji-pujian, warkah Sultan Pontianak menunjukkan penggunaan kata-kata pujian yang berbeza dari warkah Melayu pada amnya. Dalam warkah sosial Sultan Pontianak banyak menggunakan pendekatan langsung. Dalam pendekatan ini, konsep waktu dieksploitasi dengan pengukuhan yang dikaitkan oleh penulis dalam bentuk kiasan sebagai sandaran terhadap pujian yang diperkatakan oleh pengirim. Frasa ***beberapa kasih sayang yang tiada berkesudahan selagi ada perkitaran cakerawala*** menunjukkan bahawa kiasan yang digunakan adalah bersandarkan pada bulan dan bintang yang ada dan tidak pernah hilang. Inilah kaedah yang digunakan oleh Sultan Pontianak dalam warkah sosial itu. Lihat penggunaan kata puji-pujian dalam *warkah Sultan Syarif Kasim Alqadrie kepada T.S. Raffles pada 12 March 1811* seperti di bawah ini.

*... Bahawa ini Paduka Seri Sultan Syarif Kasim ibn al-marhum al-Habib al-Husain al-Kadri yang bertahta kerajaan dalam negeri Puntianak menyatakan dengan secarik warkah ini tanda sahabat bersahabat berkasih2an beserta dengan sungguh hati bersetiawan dari selama2nya kepada sahabat kita Tuan Thomas Raffles Esquire yang ada dalam negeri Melaka, maka dipohonkan atasnya beroleh sihat dan afiat serta beroleh selamat umur panjang dengan untung yang baik jua adanya ...*

Dalam warkah *Sultan Syarif Kasim Alqadrie kepada T.S. Raffles pada 14 Februari 1811*, kata puji-pujian yang digunakan seperti di bawah ini.

*... Al-Warkah al-ikhlas wa tuhfat al-ikhlas hormat mulia serta beberapa kasih sayang yang tiada berkesudahan selagi ada perkitaran cakrawala fi al-layl wa-al-nahar, iaitu daripada Seri Paduka Sultan Syarif Kasim ibn al-marhum al-Habib al-Husain al-Kadri yang bertahta kerajaan dalam negeri Puntianak barang disampaikan Tuhan seru segala alam ke hadapan Seri Paduka Thomas Raffles Esquire yang ada berhenti pada masa ini di dalam bandar negeri kota Melaka. Maka dipohonkan atasnya beroleh sihat dan afiat beserta beroleh selamat umur panjang dengan untung yang baik jua adanya ...*

Dalam warkah Sultan Syarif Kasim Alqadrie kepada T.S. Raffles pada 22 March 1811, kata puji-pujian yang digunakan seperti di bawah ini.

*... Bahawa ini Paduka Seri Sultan Syarif Kasim ibn al-marhum al-Habib al-Husain al-Kadri yang bertahta kerajaan dalam negeri Pontianak menyatakan dengan secarik warkah ini tanda sahabat bersahabat berkasih2an beserta dengan sungguh hati bersetiawan dari selama2nya kepada sahabat kita Tuan Thomas Raffles Esquire yang ada beristirahat al-khair di dalam negeri Melaka maka **dipohonkan atasnya beroleh sihat dan aflat serta beroleh selamat umur panjang dengan untung yang baik jua adanya ...***

Dalam warkah Sultan Syarif Kasim Alqadrie kepada T.S. Raffles pada 1811, kata puji-pujian yang digunakan seperti di bawah ini.

*... Bahawa ini Paduka Seri Sultan Syarif Kasim ibn al-marhum al-marhum al-Habib al-Husain al-Kadri yang bertahta kerajaan dalam negeri Pontianak menyatakan dengan secarik warkah **ini tanda saudara bersaudara serta dengan berkasih2an beserta dengan sungguh hati bersetiawan dari selama-lamanya kepada saudara kita yang maha mulia iaitu Tuan Seri Paduka Thomas Raffles Stamford Esquire Letnan Gubunur Jenderal, Yang Dipertuan Besar yang mempunyai takhta kerajaan dan kebesaran di dalam negeri Betawi serta segala daerah takluknya pulau tanah Jawa besar sekaliannya beserta lagi memerintahkan segala negeri di pihak timur lain2nya. Maka dipohonkan atasnya sihat dan aflat beserta beroleh selamat umur panjang beserta dengan untung yang baik jua adanya ...***

Dalam warkah Sultan Syarif Usman Alqadrie kepada GJ A.G.P. Baron van der Capellen pada 27 Mei 1823, kata puji-pujian yang digunakan seperti di bawah ini.

*... Bahawa ini Seri Paduka Sultan Sayid Syarif Usman Ibnu almarhum Sultan Syarif Abdurrahman Ibnu almarhum Husain al-Qadri yang bertakhta dalam kerajaan dalam negeri Pontianak, **menyatakan tulus dan ikhlas dalam secarik warkat ini tanda sahabat-bersahabat serta berkasih-kasih dengan sungguh hati bersetiawan dari selama-lamanya kepada sahabat kita yang mulia lagi maha bangsawan, iaitu Seri Paduka Tuan Besar Gerard Alexander Philip Baron van der Capellen Gurnadur Jenderal yang empunya takhta kerajaan dan kebesaran beserta lagi dengan kemuliaan dalam negeri Betawiyah serta segala daerah takluknya pulau tanah Jawa besar sekaliannya lagi memerintahkan segala negeri di pihak timur dan barat maka kita pohonkan atas sihat dan aflat beserta selamat beroleh umur panjang jua adanya ...***

Dalam warkah Pangeran Syarif Abu Bakar Alqadrie (Bendahari masa Sultan Syarif Usman Alqadrie) kepada Johan Frederik Walrave van Nes pada 22 April 1847, kata puji-pujian yang digunakan seperti di bawah ini.

*... Al-hamd li al-Lāh wahdah bahawa ini waraqat al-ikhlās wa tuhfah al-ajnās yang terbit daripada hati yang putih lagi suci serta jernih, maka dipesertakan dengan beberapa tabik dengan segala hormat selamat begitu banyak iaitu daripada kita Paduka Pangeran Syarif Abu Bakar al-Qadri Pontianak ibnu Almarhum Seri Paduka Sultan Syarif Qasim al-Qadri Pontianak, **senantiasa berlindungkan dirinya di bawah keadilan serta peliharaan Seri Paduka Maharaja Nderland serta Gubernement Olanda serta Seri Paduka yang Dipertuan Besar Gubernur Jenderal punya keadilan serta peliharaan kepada kita sampai kita punya zauriat-zuriat yang muta'akhhirin di dalam negeri Pontianak**, maka barang disampaikan Tuhan seru sekalian alam apalah kiranya datang ke hadapan majelis Seri Paduka yang maha bangsawan lagi setiawan, iaitu Seri Paduka sahabat kita Tuan Mister Johan Frederik Walrave van Nes Raad van Hindia **terhiasi dengan bintang bahaduri singa Nderland serta bersemayam di dalam negeri Betawi**. Maka kita pohonkan atasnya umur panjang dengan selamat sentosa yang tiada berkepu[tu]san jua adanya ...*

Dalam warkah Pangeran Syarif Abu Bakar Alqadrie (Bendahari masa Sultan Syarif Usman Alqadrie) kepada J.F. Walrave van Nes pada 16 Mei 1847, kata puji-pujian yang digunakan seperti di bawah ini.

*... Bahawa ini waraqat al-khalas wa tuhfah al-jinās yang terbit daripada hati yang putih lagi suci serta jernih, maka disertakan dengan beberapa tabik dengan segala hormat selamat begitu banyak iaitu daripada Paduka Pangeran Syarif Abu Bakar al-qadri Pontianak Ibn Almarhum Seri Paduka Sultan Syarif Qasim al-Qadri Pontianak **senantiasa berlindungkan dirinya di bawah keadilan dan peliharaan Seri Paduka Maharaja Nderland dan Gupernemen Olanda serta Seri Paduka Yang Dipertuan Besar Gubernur Jenderal punya keadilan dan peliharaan pada kita sampai kita punya zuriat-zuriat yang muta'akhhir[fin] di dalam neegri Pontianak**, maka barang disampaikan Tuhan seru sekalian alam jua kiranya datang ke hadapan manjelis Seri Paduka yang maha bangsawan lagi setiawan iaitu Seri Paduka sahabat kita Tuan Mister Johan Frederik Walrave van Nes Raad van India **terhiasi dengan bintang bahaduri singa Nderland serta bersemayam di Negeri Betawi**. Maka kita pohonkan atas Seri Paduka sahabat kita Tuan Edeleer umur panjang dengan selamat sentosa tiada berkeputusan serta melakukan perangai yang amat lemah lembut serta bertambah-tambah pangkat derajat yang ketinggian pada tiap-tiap masa dan kutika selagi ada perkitaran cakerawala matahari dan bulan adanya ...*

Dalam warkah Sultan Syarif Usman Alqadrie kepada Residen Arnoldus Lourens Weddik pada 18 Maret 1848, kata puji-pujian yang digunakan seperti di bawah ini.

*... Bahawa ini waraqat al-khalas wa tuhfat al-jinās yang terbit daripada fu'ad al-zakiyyah wa al-sa'adah al-abadiyyah. Maka dipersertakan pula di dalamnya dengan beberapa tabik dan selamat serta hormat cinta yang tiada berkeputusan kepada tiap-tiap masa dan ketika iaitu daripada kita Paduka Seri Sultan Syarif Usman Ibnu Almarhum as-Sultan Sayyid Syarif Ibnu Almarhum al-Habib al-Qadri yang bertakhta kerajaan di dalam negeri Pontianak, maka barang disampaikan oleh Tuhan seru sekalian alam jua apalah kiranya datang ke hadapan majelis paduka seri sahabat kita yang maha mulia iaitu Tuan Gubernur Arnoldus Lourens Weddik yang beroleh kuasa sedia sebelahnya Pulau Kalimantan. Maka dipohonkan pula atasnya mudah-mudahan supaya barang dilanjutkan daripada martabat yang kepujian di dalam dunia jua akan adanya ...*

Dalam warkah Sultan Syarif Yusuf Alqadrie kepada GJ Otto van Rees pada 11 November 1886), kata puji-pujian yang digunakan seperti di bawah ini.

*... Bahawa ini waraqat al-khalas wa tuhfat al-jinās yang terbit daripada fu'ad al-zakiyyah yang diiringi dengan beberapa tabik hormat dan selamat begitu banyak iaitu barang diwasilkan oleh Tuhan seru sekalian alam apalah kiranya datang menghadap ke hadapan majelis Ayahanda yang mulia lagi bangsawan iaitu Seri Paduka Yang dipertuan Besar Gubernur Jenderal atas tanah Hindia Netherland, Otto van Rees, yang terhiasi dengan komandur bintang bahaduri singa Netherland, bersemayam di atas takhta kerajaan dan kebesaran di negeri Betawi. Maka mudah-mudahan barang dilanjutkan Allah usia umur zamannya di dalam sihat dan afiat selamat sejahtera selama-lamanya jua adanya ...*

Dalam kesemua warkah sosial Sultan Pontianak, baginda juga menggunakan kaedah doa dan berharap agar penerima beroleh sihat serta afiat, umur panjang dan mendapat keuntungan yang besar. Ia merupakan suatu gaya yang dikekalkan oleh Sultan agar hubungan mereka dengan Raffles kekal.

Baginda banyak menggunakan kaedah langsung atau terus tanpa berselindung untuk memuji penerima warkah yang terdiri daripada pegawai Inggeris dan Belanda, seperti Raffles dan Van de Capellan. Baginda menggunakan kaedah pernyataan yang bertujuan untuk memaklumkan atau memberitahukan sesuatu tentang diri penerima warkah. Dalam warkah baginda, kaedah memuji penerima merupakan kaedah pernyataan dan kaedah ini dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian, seperti penggunaan konsep ruang dan penilaian kehandalan sifat.

Dalam warkah baginda, konsep ruang berkaitan dengan kawasan penyebaran, sama ada yang bersifat terbatas ataupun tanpa batas. Berdasarkan konsep ruang ini, jurutulis baginda menggunakan kedua-dua konsep ruang terbatas dan tidak terbatas untuk memuji penerima. Ruang yang terbatas merupakan ruang yang dinyatakan had dan kawasan penyebaran, tetapi ruang yang tidak terhad tidak mempunyai kawasan penyebaran yang ditetapkan.

Dalam warkah baginda, akan ditemui frasa “...*segala daerah takluknya pulau tanah Jawa besar sekaliannya lagi memerintahkan segala negeri di pihak timur dan barat...*” untuk maksud ruang yang tiada hadnya. Penggunaan kata ini sebagai penanda ruang yang tidak terhad dapat dilihat dalam *warkah Sultan Syarif Usman Alqadrie kepada Van der Capellan pada 27 Mei 1823*, dalam contoh tersebut, penggunaan kata “*segala negeri*” menunjukkan bahawa tokoh yang dimaksudkan mempunyai kemasyhuran yang tidak ditetapkan dan tidak ada hadnya.

Penggunaan konsep ruang yang terhad pula dibatasi oleh ruang yang ditentukan. Dalam warkah baginda, dinyatakan bahawa Capellan termasyhur pada zaman tersebut dan memerintah segala raja Melayu. Penggunaan frasa ini menunjukkan bahawa konsep ruang telah ditetapkan pada suatu zaman dan dalam kalangan raja Melayu. Perhatikan contoh yang berikut:

*... yang empunya takhta kerajaan dan kebesaran beserta lagi dengan kemuliaan dalam negeri Betawiyah ...*

Satu lagi sifat kata puji-pujian ialah penilaian kehandalan yang digunakan oleh Sultan Pontianak. Dalam warkah baginda, penilaian kehandalan ini merupakan pujian yang bersifat positif tentang penerima. Penerima ibarat “barang iklan” yang akan diberikan beberapa penilaian positif yang menarik dan mengagumkan. Kehandalan sifat ini digunakan oleh pengirim untuk memaparkan bahawa penerima mempunyai sifat tertentu yang tiada tolok bandingnya dengan orang lain pada waktu itu (Asmah Hj. Omar, 1984:11). Amati contoh yang berikut.

- a) *... yang amat bijaksana lagi budiman ...*
- b) *... di bawah keadilan serta peliharaan ...*
- c) *... perangai yang amat lemah lembut ...*
- d) *... yang maha bangsawan lagi setiawan ...*
- e) *... martabat yang kepujian ...*
- f) *... pandai mengambil hati taulan ...*
- g) *... pandai pada segala fikiran ...*
- h) *... bijaksana akal bicara ...*

Dalam contoh tersebut, kata sifat yang digunakan menjelaskan sifat handal yang dimiliki oleh seseorang penerima. Sifat kehandalan ini memperlihatkan wujudnya darjah kepalingan walaupun sesetengahnya tidak menggunakan kata kepalingan dan kesangatan. Kehandalan penerima warkah yang digambarkan oleh Sultan Pontianak adalah dengan memberikan tumpuan terhadap sifat tertentu sebagai sanjungan walaupun kadangkala tidak diterima akal. Penggunaan sifat kehandalan

oleh Sultan Pontianak dalam warkah baginda tidaklah keterlaluannya sekiranya dibandingkan dengan sultan lain pada waktu itu. Situasi ini mungkin berlaku kerana keadaan pada waktu itu yang tidak mengizinkan baginda menggunakan kata puji-pujian yang keterlaluannya untuk ditujukan kepada penerima.

### **Kandungan Warkah**

Kandungan warkah yang berkisar tentang masalah peribadi dapat dilihat daripada warkah Sultan Syarif Yusuf Alqadrie kepada GJ Otto van Rees pada 11 November 1886. Kebanyakan kandungan warkah yang ditulis oleh jurutulis menggunakan gaya bahasa yang sederhana sahaja. Dengan erti kata lain, penulis kurang menggunakan bentuk bahasa perumpamaan dan kiasan. Warkah ini berisi ucapan terima kasih kerana Kerajaan Belanda telah memberikan bintang kebesaran kepada Sultan. Kandungan warkah ini memperlihatkan perkara peribadi yang diungkapkan oleh Sultan. Penanda daripada warkah ini ialah penggunaan kata ganti nama yang tidak lazim dalam warkah Melayu, iaitu *anakanda* dan *ayahanda*. Penggunaan kata ganti ini memperlihatkan adanya hubungan peribadi antara Sultan sebagai pengirim warkah dan GJ Otto van Rees sebagai penerima warkah. Perkara peribadi dalam kandungan warkah ini dapat dilihat seperti yang berikut.

*... syahdan lagi yang Seri Paduka Ayahanda yang mulia sudah bertimbang selamat di atas Anaknda, maka Anakanda banyak menerima kasih serta menjunjunglah dengan sepenuh-penuhnya dengan tiada sekali-kali melupakan adanya. ...*

Kandungan warkah Sultan Pontianak yang mengandungi perkara tentang pemberitahuan terdapat dalam warkah baginda. Perkara pemberitahuan ini misalnya terdapat dalam warkah Sultan Syarif Usman Alqadrie kepada GJ A.G.P. Baron van der Capellen pada 27 Mei 1823. Kandungan warkah ini mengenai pemberitahuan Sultan telah menerima 20 pucuk senjata dan harta miliknya yang tertinggal di Semarang dan kiriman hadiah berupa emas bernilai 20 benggol kepada Belanda.

Kandungan warkah Sultan Pontianak yang berkisar tentang perkara ekonomi terdapat dalam Warkah Pangeran Syarif Abu Bakar Alqadrie (Bendahari masa Sultan Syarif Usman Alqadrie) kepada Johan Frederik Walrave van Nes pada 22 April 1847. Dalam warkah ini terdapat penjelasan dan keluhan yang panjang dan berbelit tentang imbalan yang seharusnya diterima oleh negeri Pontianak daripada pemerintah Belanda untuk hasil-hasil negeri. Imbalan yang diterima tidak cukup untuk menutupi pelbagai keperluan negeri Pontianak. Perkara lain yang disampaikan ialah Residen Belanda di Pontianak tidak mahu menyerahkan wang hasil-hasil negeri kepada Sultan.

Kandungan warkah Sultan Pontianak yang membicarakan perkara politik terdapat dalam warkah warkah Sultan Syarif Kasim Alqadrie kepada T.S. Raffles pada 14 Februari 1811. Baginda telah memaklumkan kepada Raffles bahawa baginda



meminta bantuan kepada beliau kerana Pontianak diancam oleh lanun di bawah pimpinan Sultan dan Pengiran Anom dari Sambas. Sultan Sambas telah bekerjasama dengan lanun untuk menyerang para pedagang yang berdagang dan berniaga di Pontianak, Mempawah, dan Banjar. Baginda telah memberi amaran kepada Raffles sekiranya beliau tidak mengambil apa-apa tindakan, pihak Inggeris akan terkena kesan atau tempias daripada kegiatan mereka itu. Menurut baginda:

*... Jika boleh dengan sebolehnya sahabat kita tolong seboleh-bolehnya kerja habis itu perompak2 dan Ilanun segala yang kerja jahat2 sama orang dagang itu, kerana kepada ketika ini semuanya ada berkumpul dalam negeri Sambas dan berkumpul di laut kuala negeri Mempawah dan Pontianak demikianlah adanya. Dan kepada kita punya fikiran jika Kompeni Inggeris tiada mahu tolong kerja habis itu perompak2 itu pastilah di belakang ia kerja kembali kerja rosak sama orang putih kerana yang kita tahu ini telah tiga kali sudah Pengiran Anom beserta Sultan Sambas ini kerja jahat sama Inggeris ...*

Lebih kurang sebulan kemudian, baginda mengutus lagi warkah yang bertarikh 12 Mac 1811 dan dalam warkah ini Sultan Syarif Kasim Alqadrie telah menyatakan bahawa Pengiran Anom dari negeri Sambas dan Abdul Rasyid Mentok telah merampas kapal Mister Hare Melaka dan juga merampas sebuah wangkang dari Cina yang datang untuk berniaga di Pontianak dan Mempawah. Mereka telah merosakkan perdagangan dan mengganggu para pedagang yang keluar dan masuk berdagang. Baginda telah meminta bantuan Raffles agar sebuah kapal perang dihantar dengan segera ke Pontianak untuk menangkap pencuri-pencuri tersebut kerana mereka ada di laut Kuala Pontianak. Menurut baginda:

*... Maka inilah jika boleh dengan bolehnya kita minta tolong kepada sahabat kita menolong menyuruhkan sebuah kapal perang ke Puntianak menangkap si pencuri itu, dan kita pun boleh pergi bersama2 kapal perang itu menangkap si pencuri itu. Jika tiada sahabat kita segera menyuruhkan lekas2 kapal perang datang pasti ada terlalu banyak susah segala orang2 dagang yang masuk keluar berniaga di negeri Pontianak itu adanya ...*

Dalam warkah ketiga yang bertarikh 22 Mac 1811, baginda tidak jemu-jemu memaklumkan kepada Raffles bahawa Pengiran Anom Sambas serta Abdul Rasyid Mentok telah membunuh Kapitan Ross di laut Mentok. Baginda memaklumkan sekali lagi masalah yang dihadapi akibat daripada kegiatan lanun di Pontianak. Dalam dua bulan sahaja tiga pucuk warkah telah dihantar oleh baginda kepada Raffles untuk memaklumkan bahawa Pontianak berada dalam keadaan tidak aman akibat daripada kegiatan lanun dan rompakkan yang dilakukan oleh Pengiran Anom dan Abdul Rasyid Mentok.

Perkara yang sama juga berlaku dalam warkah baginda yang bertarikh 6 Februari 1814, iaitu tiga tahun kemudiannya. Dalam warkah ini, ia berkaitan dengan isi

warkah pertama hingga ketiga terdahulu, iaitu baginda memaklumkan bahawa negeri Pontianak, Mempawah, Matan, dan Sambas semuanya baik-baik belaka dan tiada lagi lanun yang mengancam sewaktu warkah ini ditulis. Namun, baginda memaklumkan bahawa Pengiran Anom telah datang semula ke Sambas dari hulu.

*Warkah Sultan Syarif Usman Alqadrie yang bertarikh 18 Disember 1825 kepada Van de Capellan* juga menceritakan masalah politik. Sultan Syarif Usman Alqadrie telah mengutus warkah kepada Van de Capellan dan bukannya kepada Raffles lagi. Hal ini demikian kerana selepas tahun 1824, apabila Perjanjian Inggeris Belanda ditandatangani, pembahagian kuasa berlaku dan Pontianak berada di bawah pemerintahan pihak Belanda. Oleh yang demikian, Dalam warkah ini, baginda memaklumkan kepada pihak Belanda tentang Cina Mandor yang ingin berniaga di Pontianak dan baginda memohon pihak Belanda memberikan izin dengan cadangan baginda itu. Ini berlaku kerana rakyat baginda berada dalam kesukaran untuk berniaga. Menurut baginda:

*... Maka adalah kita pohonkan periksa kepada Seri Paduka sahabatnya yang maha mulia lagi bangsawan daripada hal Cina Mandor itu. Apa juga kepada fikiran Seri Paduka sahabat yang maha mulia lagi bangsawan jika belum diselesaikan kepada ketika itu, kita pohonkan biar buka perniagaan kepada Cina Mandor itu sekalian watasnya sebab segala kita punya orang kesakitan mencari makan kehidupan ...*

Penanda kandungan dalam warkah sosial Sultan Pontianak lebih dominan menggunakan kata *wa ba'dahu* sebagai kata pangkal ayat. Selain kata pangkal ayat, terdapat juga kata yang digunakan untuk memisahkan kedua-dua bahagian dalam kandungan warkah. Kata pemisah yang digunakan dalam warkah Sultan Pontianak ialah *syahdan lagi, syahdan maka, syahdan tempo, syahdan, syahdan dari, dan perkara lagi, dan seperkara lagi, dan lagi, dan maka*. Kata pemisah ini selalu digunakan setelah kata pangkal ayat untuk menandakan sebagai permulaan perenggan baru. Kata pemisah ini memberikan makna kewujudan kepatuhan pada peraturan surat-menyurat.

### **Prapenutup**

Berdasarkan warkah-warkah sosial Sultan Pontianak, terdapat dua jenis hadiah yang diberikan, iaitu hadiah yang berupa barang bukan material dan yang keduanya berbentuk material. Hadiah berbentuk bukan material ialah ucapan doa yang mengiringi penutup sesepucuk warkah. Dalam surat-surat kedua dan ketiga Sultan Syarif Kasim Alqadrie tidak memberikan sebarang hadiah kepada Raffles tetapi sekadar doa sahaja. Baginda mendoakan agar Raffles, anak-anak serta isterinya panjang umur dan tabik daripada sultan banyak-banyak kepada mereka.

Dalam warkah kiriman Sultan Syarif Usman Alqadrie pula, baginda juga tidak memberikan sebarang bentuk hadiah berbentuk material tetapi hanya doa sahaja agar Raffles sihat dan selamat. Menurut baginda:

*... Kemudian daripada itu suatu pun tiada berhana al-hayat yang diiringkan kepada akhir satar ini, hanyalah kita punya tabik dan hormat juga diperbanyak2 kepada Seri Paduka sahabat yang maha mulia lagi bangsawan, dan beserta lagi kita punya tabik dengan hormat diperbanyak2 kepada tuan nyonya besar. Mudah-mudahan Tuhan segala alam kasih selamat umur panjang serta di dalam sehat dan aflat jua selama-lamanya ...*

Dalam warkah Sultan Syarif Kasim Alqadrie yang bertarikh 14 Febuari 1811, baginda bukan sahaja mendoakan Raffles sekeluarga sihat serta umur panjang tetapi baginda telah menghantar satu tombak emas sebagai hadiah kepada Raffles. Baginda juga mengirinkan *Surat Undang-undang* dan *Hikayat Raja Iskandar* kepada Raffles kerana beliau meminta naskhah tersebut daripada Sultan Syarif Kasim Alqadrie.

Berdasarkan warkah sosial Sultan Pontianak, dapat diperikan hadiah yang diberikan oleh baginda berupa barangan seperti berikut:

1. *Warkah Sultan Syarif Kasim Alqadrie kepada T.S. Raffles 14 Febuari 1811*, berupa satu tombak emas, surat undang-undang, dan surat Hikayat Raja Iskandar, seperti yang dinyatakan oleh baginda:

*... dan lagi sahabat kita minta' surat undang2 beserta surat Hikayat Raja Iskandar itu, adalah kita kirimkan bersama2 surat ini dalam tangan Kapitan Tait, beserta satu tombak beremas akan hadiah kita kepada sahabat kita ...*

2. *Warkah Sultan Syarif Kasim Alqadrie Alqadrie kepada T.S. Raffles pada 22 Mac 1811* berupa dua ekor orang utan, seperti yang dinyatakan oleh baginda:

*... dan lagi kita ada kirim dua ekor orang utan di dalam tangan Kapitan s-m-y-d ini kepada sahabat kita Tuan Thomas Raffles Esquire boleh terima jua adanya ...*

3. *Warkah Sultan Syarif Usman Alqadrie kepada GJ A.G.P. Baron van der Capellen pada 27 Mei 1823* berupa mas urai 20 bonggol berat 40 ringgit, seperti yang dinyatakan oleh baginda:

*... maka suatu pun tiada yang diiringkan kepada akhirnya kesudah-sudahan satar ini hanyalah mas urai dua puluh bonggol berat empat puluh ringgit tiada dengan sepertinya ...*

4. *Warkah Pengiran Syarif Abu Bakar Alqadrie kepada Johan Frederik Walrave van Nes pada 22 April 1847* berupa satu kelewang buatan Bugis, perkakasnya perak, dan satu surat salasilah kerajaan, seperti yang dinyatakan oleh baginda:

*... sesuatu pun tiada yang dipesertakan dengan warkat ini hanyalah satu kelewang buatan Bugis perkakasnya perak akan barang-barang gunanya pada Sri Paduka sahabat kita serta satu surat salasilah keturunan kita ...*

## **Penutup**

Warkah Sultan Pontianak menggunakan penutup warkah di bahagian akhir warkah. Dalam bahagian penutup ini, dinyatakan tarikh, hari, bulan dan tahun dalam Islam. Bahagian penutup warkah dengan isi atau prapenutup tidak dipisahkan langsung antara kedua-duanya. Penutup warkah yang digunakan adalah seperti yang berikut:

- a) *...tersurat dalam kota negeri Pontianak pada hari Selasa enam belas hari bulan Ramadhan pada tarikh sanat 1238...*
- b) *... termaktub warkat ini di dalam negeri Pontianak hari Arba'a 6 hari bulan Jumadilawal, Hijrat 1263, iaitu Arba'a 21 bulan April tahun 1847...*
- c) *... termaktub warkat ini di dalam negeri Pontianak kepada hari Ahad 1 sehari bulan Jumadilakhir, Hijrat 1263, iaitu 16 bulan Mei tahun 1847...*
- d) *... termaktub warkat ini di dalam istana kita di negeri Pontianak kepada dua belas hari bulan Rabiulakhir kepada Hijrat sanat 1264, iaitu 18 bulan Mac tahun 1848...*
- e) *... termaktub di dalam istana Anakda di negeri Pontianak kepada 13 hari bulan Safar sanat 1304 bersamaan pada 11 hari bulan November tahun 1886 ...*
- f) *... maka dibuat surat ini kepada dua puluh dua hari bulan al-Muharam pada hari Ahad pada waktu jam pukul dua belas tengah hari pada tarikh sanat 1226 ...*
- g) *... diperbuat surat ini kepada enam belas hari bulan Safar hari Selasa pada tarikh sanat 1226 ...*
- h) *... diperbuat surat ini kepada dua puluh enam hari bulan Safar yaum al-Jumaat pada tarikh sanat 1226...*

Penggunaan komponen penutup dalam warkah sosial Sultan Pontianak memperlihatkan bentuk-bentuk yang berbeza daripada penutup warkah Melayu pada amnya. Penutup dalam warkah Sultan Pontianak ditandai dengan penggunaan kata-kata *tersurat*, *termaktub*, *maka dibuat surat ini*, dan *diperbuat surat ini*. Penggunaan kata-kata penanda penutup ini berbeza daripada penutup warkah Melayu pada amnya apabila dilihat dari aspek kepatuhan penggunaan kaedah penulisan warkah pada amnya. Dalam warkah Sultan Pontianak tidak didapati warkah tanpa penutup dan selalu digunakan penanda kata-kata tersebut.

Komponen penutup dalam warkah Sultan Pontianak juga mempunyai tarikh, bulan, dan tahun dalam Islam. Bentuk kata yang digunakan sebagai pengganti kata “tahun”

dalam penutup warkah ini ialah kata *sanat*, sedangkan kata *likur* sebagai kata ganti “angka 20” tidak digunakan dalam semua warkah Sultan Pontianak.

## **PENUTUP—KEARIFAN BAHASA DAN PEMIKIRAN WARKAH SULTAN PONTIANAK**

Linguistik, baik yang bebas-konteks mahupun peduli-konteks, tujuannya adalah mempelajari hubungan penanda-petanda. Penanda-petanda (signifier-signified) terangkum sebagai tanda (sign). Pada linguistik bebas-konteks, tanda itu berupa morfem, kata, frasa, atau kalimat; pada linguistik peduli-konteks, tanda itu berupa ujaran atau wacana. Selanjutnya, wacana selalu memiliki acuan pada teks, baik lisan mahupun tulis.

Penggunaan kepala surat warkah Sultan Pontianak ini, ialah pemilihan kepala surat tidak menggunakan unsur alam dan unsur lainnya, dan hanya menggunakan nama Tuhan. Warkah sosial Sultan Pontianak hanya menggunakan dua bentuk ungkapan dalam kepala surat, iaitu *Qawluh al-haqq wa kalamuh al-sidq* yang bermakna “kata-katanya benar dan ucapan-Nya tulus” dan *Qawluh al-haqq* yang bermakna “kata-katanya benar”. Hal ini berbanding dengan penggunaan kepala surat dalam warkah Melayu yang terdapat 23 ungkapan. Penggunaan kepala surat dalam warkah sosial Sultan Pontianak yang memiliki kandungan berita kematian menjadi bukti bahawa apa yang diperkatakan oleh Skeat adalah tidak benar dalam kebanyakan warkah Melayu.

Penggunaan kata-kata bahasa Arab di dalam cap warkah sosial Sultan Pontianak, iaitu *al-wathiq billah* yang bermakna “orang yang berpegang teguh kepada Allah” dan diikuti oleh nama Sultan sebagai pengirim warkah. Bentuk lain daripada cap yang digunakan dalam warkah Sultan Pontianak adalah terteranya 42 huruf Arab. Penggunaan 42 huruf ini melambangkan makna tasawuf yang menggunakan nama Tuhan (*asma’ulhusna*). Penggunaan huruf-huruf ini memberikan makna bahawa negeri Pontianak memiliki identiti agama yang kuat kepada penerima warkah sama ada pihak Belanda mahupun Inggeris. Penggunaan cap yang terdapat dalam warkah Sultan Pontianak memerikan bentuk-bentuk unik yang tidak terdapat dalam warkah Melayu pada amnya.

Penggunaan kata-kata pujian warkah sosial Sultan Pontianak ialah pendekatan langsung dengan konsep waktu dieksploitasi dengan pengukuhan yang dikaitkan oleh penulis dalam bentuk kiasan sebagai sandaran terhadap pujian yang diperkatakan oleh pengirim. Selain itu, baginda juga menggunakan kaedah doa yang merupakan suatu gaya yang dikekalkan oleh Sultan agar hubungan mereka kekal. Baginda juga menggunakan kaedah pernyataan yang bertujuan untuk memaklumkan atau memberitahukan sesuatu tentang diri penerima warkah. Kaedah ini dibahagikan kepada konsep ruang dan penilaian kehandalan sifat. Kehandalan sifat ini digunakan oleh pengirim untuk memaparkan bahawa penerima mempunyai

sifat tertentu yang tiada tolok bandingnya dengan orang lain pada waktu itu. Konsep ruang berkaitan dengan kawasan penyebaran, sama ada yang bersifat terbatas ataupun tanpa batas. Dalam warkah Sultan Pontianak, kata *matahari* dan *bulan* tidak digunakan dalam warkah baginda. Kemungkinan baginda berasakan bahawa diri baginda tidak begitu sempurna dan enggan menggunakan kata tersebut. Kata puji-pujian yang digunakan oleh Sultan Pontianak bukanlah sesuatu yang keterlaluan, tetapi digunakan ala kadar sahaja dan sesuai untuk tujuan surat-menyurat. Kata puji-pujian yang digunakan sederhana dan teliti serta hampir sama dalam semua warkah baginda.

Perkara politik dalam kandungan warkah Sultan Pontianak memerikan bentuk yang unik kerana dalam dua bulan sahaja tiga pucuk warkah telah dihantar oleh Sultan Syarif Kasim Alqadrie kepada Raffles untuk memaklumkan bahawa Pontianak berada dalam keadaan tidak aman akibat daripada kegiatan lanun dan rompakan yang dilakukan oleh Pengiran Anom dan Abdul Rasyid Mentok daripada Sambas. Isi kandungan yang sama memerikan pentingnya perkara yang termaktub dalam tiga pucuk warkah yang dihantarkan. Hal yang demikian menjadi unik dan tidak terdapat dalam warkah-warkah Melayu pada amnya berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh para ahli. Penanda kandungan dalam warkah sosial Sultan Pontianak lebih dominan menggunakan kata *wa ba'dahu* sebagai kata pangkal ayat seperti yang terdapat dalam warkah Melayu pada amnya. Selain itu, terdapat juga kata pemisah yang selalu digunakan setelah kata pangkal ayat untuk menandakan sebagai permulaan perenggan baru. Kata pemisah ini memberikan makna kewujudan kepatuhan pada peraturan surat-menyurat. Kata pemisah yang digunakan dalam warkah Sultan Pontianak ialah *syahdan lagi*, *syahdan maka*, *syahdan tempo*, *syahdan*, *syahdan dari*, dan *perkara lagi*, dan *seperkara lagi*, dan *lagi*, dan *maka*.

Komponen prapenutup dalam warkah sosial Sultan Pontianak memerikan bentuk hadiah sebagai salam mesra Sultan sebagai pengirim warkah kepada penerima warkah. Bentuk hadiah berupa barangan dan bukan barangan yang terdapat dalam warkah Sultan Pontianak. Sultan Pontianak memberikan doa, salam, dan kata-kata yang indah sebagai bentuk hadiah bukan barangan dalam warkah baginda. Hadiah berupa barangan, seperti emas, kelewang Bugis, tombak emas, salasilah kerajaan, surat undang-undang, surat Hikayat Raja Iskandar, perkakas perak, dan orang utan. Walaupun hadiah bukanlah perkara penting yang perlu diberikan oleh pengirim namun sebagai satu budi yang luhur daripada pengirim ia tetap ditunaikan walaupun bukan dalam bentuk material. Ia memadai dengan hadiah yang berupa doa untuk penerima bagi menggambarkan kesopanan budaya di kalangan masyarakat zaman lampau.

Komponen penutup warkah sosial Sultan Pontianak ditandai dengan penggunaan kata-kata *tersurat*, *termaktub*, *maka dibuat surat ini*, dan *diperbuat surat ini*. Penggunaan kata-kata penanda penutup ini berbeza dari penutup warkah Melayu pada amnya bila dilihat dari aspek kepatuhan penggunaan kaedah penulisan warkah pada amnya. Dalam warkah Sultan Pontianak tidak didapati warkah tanpa penutup dan selalu digunakan penanda kata-kata tersebut. Komponen penutup dalam

warkah Sultan Pontianak juga mempunyai tarikh, bulan, dan tahun dalam Islam. Bentuk kata yang digunakan ialah kata *sanat* sebagai pengganti kata tahun, sedangkan kata *likur* tidak digunakan dalam semua warkah Sultan Pontianak.

Hakikat bahasa, baik sebagai penanda mahupun petanda, antara lain terletak dalam penulisan warkah Sultan Pontianak, sebagai ungkap-verbal pilihan. Ungkap-verbal pilihan yang digunakan oleh Baginda memerikan konsep bahasa dan fikiran yang selaras dengan apa yang telah diperkatakan oleh Safir dalam Hipotesis Relativiti Bahasa. Bahasa tak dapat dipisahkan dari budaya, yang merupakan warisan sosial berwujud paduan tindakan dan kepercayaan yang menentukan tekstur kehidupan masyarakat Melayu Pontianak.

## Referensi

- Ab. Karim, Ab. Razak. 1998. *Warkah-warkah Melayu Sebagai Suatu Genre*. Disertasi Ph.D Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- \_\_\_\_\_. 2006 *Warkah-warkah Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Alqadrie, Syarif Ibrahim. 1979. *Kesultanan Pontianak di Kalimantan Barat: Dinasti dan Pengaruhnya di Nusantara*. Departemen Pendidikan dan Kebudayaan (Depdikbud), RI. Jakarta – Pontianak: DP3M dan UNTAN.
- Arifuddin. 2010. *Neuropsikolinguistik*. Jakarta: Rajawali Pers.
- Gallop, Annabel Teh & Arp. Benard. 1994. *The Legacy of Malay Letters*. London: The British Library
- Iskandar, Dodi dan Dedi Persada. 1987. *Sejarah Nasional Indonesia dan Dunia*. Bandung: Armico.
- Kadarisman, A. Effendi. 2005a. Linguistic Relativity, Cultural Relativity, and Foreign Language Teaching. *TEFLIN Journal*, February 2005: 1-25.
- Kadarisman, A. Effendi. 2005b. Relativitas Bahasa dan Relativitas Budaya. *Linguistik Indonesia*, Agustus 2005: 151-170.
- Kadarisman, A. Effendi. 2007. Hipotesis Sapir-Whorf Dan Ungkap-Verbal Keagamaan. *Jurnal Masyarakat Linguistik Indonesia*.

- Kridalaksana, Harimurti. 1993. *Kamus Linguistik*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Mu'jizah, 2009. *Illuminasi dalam Surat-surat Melayu Abad ke-18 dan ke-19*, Jakarta:KPG dan Pusat Bahasa.
- Omar, Asmah Hj.. 1984. *Bahasa Iklan Perniagaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. 1992. *The Linguistic Scenery of Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman, Ansar, et al. 2000. *Perspektif Sejarah Berdirinya Kota Pontianak*. Pontianak: Romeo Grafika atas nama Pemkot Pontianak.
- Sapir, Edward. 1921. *Language: An Introduction to the Study of Speech*. San Diego, New York, London: Harcourt Brace Jovanovich, Publishers.
- Sapir, Edward. 1933. The Psychological Reality of Phonemes. Dalam Makkai, Valerie Becker. 1972. *Phonological Theory: Evolution and Current Practice*, hlm. 22-31.
- Saussure, Ferdinand de. 1959. *Course in General Linguistics* (English translation by Baskin, W.). New York, Toronto, London: McGraw-Hill Book Company.
- Simanjuntak, Mangantar. 2009. *Pengantar Neuropsikolinguistik: Menelusuri Bahasa, Pemerolehan Bahasa dan Hubungan Bahasa dengan Otak*. Jakarta: Perpustakaan Nasional RI.
- Slobin, Dan I. From "Thought and Language" to "Thinking for Speaking." In Gumperz, John J. & Levinson, Stephen C. *Rethinking Linguistic Relativity*. Cambridge University Press, pp. 70-96.
- Syahrani, Agus. 2013. *Warkah-warkah Sultan Pontianak: Analisis Genre*. Tesis MMS Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Syahrani, Agus. 2014. *Warkah-warkah Sultan Pontianak: Perbincangan Koleksi dan Kontroversi Kandungan*. Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu. Perpustakaan Negara Malaysia:Kuala Lumpur.